

Rujukan : USM. 25/3/II/A JLD.XLI

Tarikh : 29 Julai 2026

Kepada : Semua Staf Pentadbiran  
Kampus Induk/Kesihatan/ Kejuruteraan Tuanku Syed Sirajuddin/  
Pusat Kanser Tun Abdullah Ahmad Badawi  
Universiti Sains Malaysia

## Memorandum

Bangunan Canselori  
(Chancellory Building)  
11800 USM  
Pulau Pinang, Malaysia  
Tel : 04-6533888  
[www.usm.my](http://www.usm.my)

### HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 41 TAHUN 2026

#### - PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA TAHUN 2026

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Peperiksaan Perkhidmatan Universiti Tahun 2026 akan diadakan pada bulan **September 2026**. Staf yang perlu lulus peperiksaan perkhidmatan sebagai syarat untuk disahkan dalam jawatan diminta mengambil perhatian tentang perkara ini dan memohon untuk mengambil peperiksaan berkenaan.

2. Kerjasama tuan/puan diminta untuk memaklumkan kepada semua staf yang terlibat di Pusat Pengajian/Jabatan/Unit tuan/puan untuk mengemukakan permohonan mereka. Sehubungan itu juga, pihak Universiti telah menetapkan agar Peperiksaan Perkhidmatan Staf USM dijalankan secara dalam talian (*online*) di satu tempat khas yang akan ditentukan Universiti.

#### 3. Staf Yang Layak Mengambil Peperiksaan

Staf yang layak mengambil peperiksaan ialah sebagaimana yang telah disyaratkan di bawah Skim Perkhidmatan Universiti Sains Malaysia (*Sila rujuk kepada Lampiran A untuk menentukan kertas-kertas peperiksaan yang perlu diambil*). Staf yang baharu dilantik dan yang belum disahkan dalam jawatan juga dinasihatkan menyemak surat pelantikan bagi keperluan untuk menduduki peperiksaan.

#### 4. Jadual Peperiksaan

Peperiksaan akan diadakan pada bulan **September 2026**. Tarikh sebenar bagi setiap kertas peperiksaan akan ditentukan selepas permohonan diproses. Jadual waktu peperiksaan akan diberikan kepada setiap calon sebelum peperiksaan diadakan. Sebarang pindaan kepada jadual waktu peperiksaan akan dimaklumkan kepada calon-calon yang terlibat. Setiap calon yang akan mengambil peperiksaan perlu mematuhi peraturan/arahan yang akan dilampirkan bersama jadual peperiksaan tersebut. **Maklumat lanjut mengenai sukatan peperiksaan yang akan diadakan boleh diperolehi melalui laman web [bsm.usm.my](http://bsm.usm.my).**

#### 5. Permohonan

Staf yang ingin mengambil peperiksaan perlu membuat permohonan melalui **Campus Online pada menu e-Exam**. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berhubung perkara di atas, sila hubungi Encik Muhammad Fariz Ahmad Ali, Penolong Pendaftar Kanan, Unit Perkhidmatan & Saraan, Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar (*sambungan 6094 / 6104; [fariz@usm.my](mailto:fariz@usm.my)*).

...2/-



**HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 41 TAHUN 2026**

**- PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA TAHUN 2026**

---

**6. Tarikh Tutup Permohonan**

Tarikh tutup permohonan ialah pada **5 Ogos 2026**. Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup akan ditolak.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(SARINA BINTI RAZAK)**

Timbalan Pendaftar

Bahagian Sumber Manusia

- Menjalankan Fungsi Ketua Bahagian Sumber Manusia

s.k. Timbalan Pendaftar Kanan  
Jabatan Pendaftar  
Kampus Kesihatan

Timbalan Pendaftar Kanan  
Jabatan Pendaftar  
Kampus Kejuruteraan Tuanku Syed Sirajuddin

Ketua Pentadbiran  
Pusat Kanser Tun Abdullah Ahmad Badawi



**SENARAI KERTAS PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN**  
**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**  
**TAHUN 2026**

**GED 9**

1. **Pegawai Teknologi Maklumat F9**
  - (a) Kertas 1 - Pegawai Teknologi Maklumat (Umum)
  - (b) Kertas 2 - Pegawai Teknologi Maklumat (Subjek Jabatan)
2. **Pegawai Tadbir N9**
  - (a) Kertas 1 - Pegawai Tadbir (Umum)
  - (b) Kertas 2 - Pegawai Tadbir (Subjek Jabatan)

**GED 5**

3. **Penolong Jurutera JA5**
  - (a) Kertas 1 - Penolong Jurutera (Umum)
  - (b) Kertas 2 - Penolong Jurutera (Subjek Jabatan)
4. **Pereka B5**
  - (a) Kertas 1 - Pereka (Umum)
  - (b) Kertas 2 - Pereka – **Teori** (Subjek Jabatan)
  - (c) Kertas 2 - Pereka – **Amali** (Subjek Jabatan)
5. **Penolong Pegawai Pertanian G5**
  - (a) Kertas 1 - Penolong Pegawai Pertanian (Umum)
  - (b) Kertas 2 - Penolong Pegawai Pertanian (Subjek Jabatan)
6. **Penolong Pegawai Sains C5**
  - (a) Kertas 1 - Penolong Pegawai Sains (Umum)
  - (b) Kertas 2 - Penolong Pegawai Sains (Subjek Jabatan)
7. **Penolong Pegawai Tadbir N5**
  - (a) Kertas 1 - Penolong Pegawai Tadbir (Umum)
  - (b) Kertas 2 - Penolong Pegawai Tadbir (Subjek Jabatan)
8. **Penolong Pegawai Teknologi Maklumat FA5**
  - (a) Kertas 1 - Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (Umum)
  - (b) Kertas 2 - Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (Subjek Jabatan)
9. **Penolong Pustakawan S5**
  - (a) Kertas 1 - Penolong Pustakawan (Umum)
  - (b) Kertas 2 - Penolong Pustakawan (Subjek Jabatan)



10. **Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam S5**  
(a) Kertas 1 - Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam (Umum)  
Kertas 2 - Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam (Subjek Jabatan)

**GRED 1**

11. **Pembantu Laut A1**  
(a) Kertas 1 - Pembantu Laut (Umum)  
(b) Kertas 2 - Pembantu Laut (Subjek Jabatan)
12. **Pereka B1**  
(a) Kertas 1 - Pereka (Umum)  
(b) Kertas 2 - Pereka – **Teori** (Subjek Jabatan)  
(c) Kertas 2 - Pereka – **Amali** (Subjek Jabatan)
13. **Artis Budaya B1**  
(a) Kertas 1 - Artis Budaya (Umum)  
(b) Kertas 2 - Artis Budaya – **Teori** (Subjek Jabatan)  
(c) Kertas 2 - Artis Budaya – **Amali** (Subjek Jabatan)
14. **Pembantu Tadbir (Kewangan) W1**  
(a) Kertas 1 - Pembantu Tadbir (Kewangan) (Umum)  
(b) Kertas 2 - Pembantu Tadbir (Kewangan) (Subjek Jabatan)  
(c) \* *IT Skills Assessment And Certification (ISAC)*  
*\* Calon yang dilantik mulai 1 Januari 2018 perlu menduduki kertas peperiksaan ISAC bagi tujuan pengesahan dalam jawatan.*
15. **Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) N1**  
(a) Kertas 1 - Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) (Umum)  
(b) Kertas 2 - Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) (Subjek Jabatan)  
(c) \* *IT Skills Assessment And Certification (ISAC)*  
*\* Calon yang dilantik mulai 1 Januari 2018 perlu menduduki kertas peperiksaan ISAC bagi tujuan pengesahan dalam jawatan.*
16. **Juruteknik Komputer FT1**  
(a) Kertas 1 - Juruteknik Komputer (Umum)  
Kertas 2 - Juruteknik Komputer (Subjek Jabatan)
17. **Pembantu Pustakawan S1**  
(a) Kertas 1 - Pembantu Pustakawan (Umum)  
Kertas 1 - Pembantu Pustakawan (Subjek Jabatan)
18. **Pembantu Khidmat Am H1**  
(a) Kertas 1 - Pembantu Khidmat Am (Umum & Subjek Jabatan)